

Kelas Silat Melayu UKM bertujuan mempraktik segala ilmu itu dan dihayati masyarakat



● PERTUNJUKAN Seni Silat Melayu.

tuk memastikan ia tidak menyeleweng dan tercemar kerana terikut-ikut oleh pengaruh seni membela diri bangsa asing yang sedang bermaharajalela di tanahair kita sekarang.

Walaupun begitu, pengajaran dan pembelajaran mengenai adalah bersistematik supaya sesuai dengan keadaan semasa. Justeru itu, ia diberikan satu sukatan pelajaran yang terbahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat awal, peringkat tengah dan peringkat akhir. Dan setiap peringkat ini akan diajar secara teratur dan tersusun untuk memudahkan peserta mengikutinya.

Memandangkan kebanyakan kita sekarang terlalu sibuk dan kesuntukan waktu maka kelas/latihan seni silat ini akan diadakan sekali seminggu sahaja selama dua jam bagi setiap perjumpaan.

Dikatakan saintifik adalah kerana Seni Silat Melayu UKM ini akan diajar dengan lebih menekankan aspek kesihatan jasmani dan rohani. Berdasarkan penyelidikan yang telah dilakukan Seni Silat Melayu juga adalah sejenis senaman

Melayu dalam erti kata yang sebenarnya. Tetapi fenomena ini tidak disedari umum kerana segala geraklaku senaman itu terselindung dalam kedudukan silat (stance) yang bersifat seni. Sebenarnya, ketika melakukan beberapa kedudukan silat nanti, para peserta akan memerlukan kekuatan tenaga dan stamina di samping kelembutan (suppleness) gerak urat dan otot.

Diperbaiki

Secara teorinya, seseorang yang berjaya menjalani latihan Seni Silat Melayu UKM ini nanti akan menjadi seorang yang sihat (fit) di segi tubuh badannya; tidak terlalu gemuk dan tidak terlalu kurus; tidak terlalu keras dan tidak terlalu lembut. Oleh hal yang demikian, kelas/latihan Seni Silat Melayu ini sesuai bagi semua golongan masyarakat sama ada lelaki ataupun perempuan tua ataupun muda, dewasa ataupun kanak-kanak.

Walaupun disebut juga tentang kesihatan rohani, ia bukanlah kononatif dengan kebatinan (ilmu). Penulis tidak ber-

cadang untuk membabitkan ilmu kebatinan dalam pengajaran ilmu persilatan ini nanti. Di ruangan terbatas ini, penulis tidak dapat memberi sebab musababnya. Cuma penulis ingin menasihatkan sesiapa yang berminat dengan ilmu kebatinan, tidak payahlah menyertai mana-mana perguruan silat kerana ia boleh dipelajari daripada berbagai sumber tanpa mempelajari seni silat.

Dalam konteks ini apa yang dimaksudkan oleh penulis dengan kesihatan rohani itu ialah kesihatan jiwa. Melalui kelas/latihan Seni Silat Melayu UKM nanti, diharapkan keperibadian seseorang akan dapat diperbaiki supaya seimbang seperti tidak terlalu pengecut dan lekas berdarah gemuruh ketika terserempak dengan sesuatu kesukaran ataupun tidak terlalu berani dan bertindak di luar batasan ketika menyelesaikan sesuatu masalah.

Pendekkan kata kelas/latihan Seni Silat Melayu UKM ini diadakan adalah untuk mencapai satu matlamat iaitu kesempurnaan kemanusiaan. Justeru itu, peser-

ta yang akan mengikuti kelas/latihan Seni silat Melayu UKM ini akan ditapis dan dipilih oleh penulis sendiri berdasarkan pemerhatian daripada segala sudut keperibadian para peserta yang telah mengikuti beberapa siri kelas/latihan silat.

-7 SEP 1986
Peraturan ini perlu dilakukan oleh penulis sebagai syarat yang telah dikenakan oleh beberapa orang guru silat yang pernah diketemui. Dan sebagai seorang yang sangat berminat dengan kesenian Melayu, penulis terpaksa menghormati dan patuh dengan 'adat berguru' yang telah diperturunkan.

B. Harlan (M)
Atas kesedaran inilah penulis sanggup mengadakan kelas/latihan Seni Silat Melayu UKM kepada orang ramai walaupun penulis menginsafi keterbatasan kepandian dan keilmuannya dalam dunia persilatan Melayu. Justeru itu, penulis menyeru kepada mereka yang lebih alim dalam seni membela orang Melayu tetapi selari dengan cita-cita dan hasrat penulis untuk tampil bersama ke hadapan mengambill alih tugasnya.